

STATUS SOSIO-EKONOMI KAUM SULUK DI PEKAN  
SEMPORNA : SATU TINJAUAN TERHADAP  
KEADAAN KEMISKINAN

MOHAMMAD AHAD ABDUL LAJA

FAKULTI SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
1997

HM  
548  
M697  
1997

**Pusat Khidmat Maklumat Akademik  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**STATUS SOSIO-EKONOMI KAUM SULUK DI PEKAN  
SEMPORNA, SABAH : SATU TINJAUAN TERHADAP  
KEADAAN KEMISKINAN.**

**P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK**

**UNIMAS**



**1000246019**

**MOHAMMAD AHAD ABDUL LAJA**

Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat -syarat pengijazahan Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian Kajian Khidmat Sosial (SmSS).

**FAKULTI SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
1997**

***Ku abadikan khas hasil karya ilmiah ini dengan penuh keikhlasan untuk :***

**Ayahanda dan bonda,**

***Segala kasih sayang, jerih payah, doa, pengorbanan, bimbingan dan didikan ayah dan bonda tetap menjadi kenangan sepanjang hayat anakanda..***

**Kakak Allah, Abang Jajim, Pakcik Husin, Cikgu Diah, Pakcik Zateh, Jakarah, Salleh Ajid, Mohamid, Mohammad Shah, Halim dan Makcik Hatiah ) :**

***Kejayaan saya adalah hasil daripada bantuan, dorongan dan bimbingan kalian. Semoga hidup kita akan diberkati Allah dan ditunjukkanNya ke jalan yang lurus.***

**Istimewa untuk bakal isteriku (Mas),**

***Pengorbanan, kasih sayang, kejujuran, kesetiaan dan ketabahan mu adalah lambang ketenangan dan kebahagiaan rumahtangga kita.....***

***Kesudianmu untuk berkongsi masalah dan idea banyak memberi kesabaran dan motivasi untuk abang mengharungi lautan akademik yang amat mencabar ini.....***

**Adik-adik dan anak-anak saudara ku,**

**Adik Omar,**

***Jejak langkah abangmu telah engkau warisi, teruskan ayunan langkahmu demi kecemerlangan keluarga dan masa depan kita.***

**Adik Diana, Nasip, Papai Firdaus dan anak-anak saudaraku,(Nizam, Ridhwan, Sham, B'A, Mira, Hamsah, Moyo, Salinah, Amin, Nuriah, Najib, Fatimah, Syukur, Rozaidah, Mahadir dan Mahmud) :**

***Abang dan pakcik kalian ini amat berharap kejayaan ini menjadi pencetus minda, idea, motivasi dan dorongan untuk kalian menjejakkan kaki ke menara gading dan seterusnya mencapai kejayaan yang lebih gemilang lagi.***

**Rakan-rakan ku dan semua kaum muslimin dan muslimat,**

***Doa, teguran, saranan dan galakan telah menyedarkan saya sebagai seorang pelajar dan muslim yang perlu tabah, matang dan bersikap rasional dalam menghadapi sesuatu cabaran dan ujian.***

## Abstrak

Tujuan am kajian ini ialah untuk mengkaji dan menentukan taraf sosio ekonomi yang berkait rapat dengan masalah kemiskinan Kaum Suluk di Pekan Semporna. Manakala objektif khusus kajian ini ialah untuk menentukan tahap kemiskinan, latar belakang sosio ekonomi Kaum Suluk yang meliputi tanah dimiliki, tahap pendidikan, saiz keluarga dan jenis pekerjaan mereka, dan juga untuk menentukan hubungan di antara kegiatan ekonomi Kaum Suluk dengan tahap kemiskinan mereka.

Melalui kajian ini, sejumlah 70 orang responden dari Kampung Kubang Pinang 2 telah dipilih oleh penyelidik melalui kaedah persampelan rawak sistematik. Data penyelidikan dikumpul melalui temuduga dengan menggunakan satu set borang soal selidik. Penyelidik juga menggunakan khidmat seorang translitor (Penterjemah) apabila diperlukan bagi menterjemahkan kandungan soal selidik kepada responden yang kurang mahir berbahasa Melayu.

Penganalisan data telah dibuat berdasarkan kepada objektif dan hipotesis kajian. Antara ujian statistik yang digunakan untuk menganalisis data ialah *Chi-Square*, *Perason Product-Moment Correlation* dan *Cross tabs*.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik mendapati bahawa 75.4% responden yang terdiri daripada golongan petani dan nelayan serta memperoleh pendapatan kurang daripada RM350.00 sebulan adalah mereka yang dikenalpasti hampir kepada

kemiskinan. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan tahap pendidikan 67.1% responden adalah rendah iaitu di bawah tahap Tingkatan 3. Manakala 24.% responden dikenalpasti sebagai individu yang tidak pernah menerima pendidikan.

Pada keseluruhannya, keputusan penyelidikan kajian ini adalah menyokong sebahagian daripada rangka dimana angkuabah dan hipotesis dihasilkan. Malah dua daripada tiga hipotesis yang dibentuk oleh penyelidik adalah signifikan dan dapat diterima dalam penyelidikan ini. Dengan ini boleh dinyatakan bahawa tahap pendidikan rendah dan jenis pekerjaan mempengaruhi tahap pendapatan dan menjadi punca kemiskinan di kalangan komuniti Suluk.

### **Abstract.**

The general purpose of this study is to determine the socio-economic status of in relation to poverty problems among The Suluk Community at Pekan Semporna. The specific objective is to determine the level of income, socio-economic background (Land ownership, level of education, family size and types of jobs), and the relationship between economic activities with their level of poverty.

Seventy respondents from Kampung Kubang Pinang 2 were selected using systematic random sampling. Data were collected by interviewing the respondent using one set of questionnaire. A translator was engaged when necessary. Analyses of data were made in the relation to the objective and hypothesis of the study. The statistical tools used were mainly Chi-Square test, Pearson Product-Moment Correlation and Cross tabulation.

This study found that 75.4% of respondents were farmers and fishermen, earning income less than RM350.00 per month (the verge of poverty). Besides, this study show that, 67.1% of the respondents had less form 3 education and 24% of the respondents had never received formal education.

On the whole, the findings seemed to partially support the framework which the variables and hypothesis were developed. Test of hyphoteses indicate significant relationship between income and level of education and types of jobs. It can be implied that the low level of education and the types of jobs influence the level low of income, and hence poverty among The Suluk Community.

### **Penghargaan.**

Pertama sekali penyelidik memanjatkan ribuan kesyukuran ke hadrat Ilahi dan selawat serta salam untuk junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W. Sesungguhnya hanya dengan rahmat dan kekuatan yang diberi oleh Allah S.W.T sahaja yang telah membolehkan penyelidik melengkapkan dan menyiapkan kertas ilmiah ini dengan jayanya serta mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak universiti.

Penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Spencer Empading Sanggin yang telah banyak membantu, memberi nasihat dan motivasi serta memberi tunjuk ajar kepada penyelidik tentang cara mengendalikan penulisan kertas ilmiah ini. Selain itu, khas untuk Dr. Dimbab, Timbalan Dekan Fakulti Sains Sosial, rakan-rakan *Pioneers*, saudara Roslan Pakon, Foo, Lim dan Lai serta saudari Rasimah Ramdzan, Hasnah Mahasan, Mak Siti, Noraini Ibrahim dan Lee Meng Choo, terima kasih penyelidik ucapkan kerana mereka telah sudi membantu dan mengajar penyelidik tentang penggunaan Program SPSS dan analisis statistik. Ucapan terimakasih juga ditujukan khas kepada saudara Asrol Annuar Ramli, Pelajar Tahun Tiga, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia yang telah sudi meminjamkan komputernya bagi menyiapkan kertas ilmiah ini.

Penyelidik menitipkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penolong Pegawai Daerah Semporna, Tuan Mahadi Haji Alindal yang telah sudi menyokong dan memberi kebenaran kepada penyelidik membuat kajian di Kampung Kubang Pinang 2. Selain itu, ucapan penghargaan juga ditujukan khas kepada Ketua Kampung Kubang Pinang 2, Encik Kahal Haji Sallehuddin dan seluruh penduduk Kampung Kubang

**Pinang 2 yang banyak terlibat dan memberi kerjasama dalam penyelidikan ini.**

**Akhirnya, penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa penyelidik, Ayahanda Abdul Laja Haji Imam Asmad dan Bonda Sahuran Haji Abdul Majid yang selama ini mendidik penulis sehingga menjadi insan yang akan berbakti kepada agama, bangsa, nusa, dan negara, menjadi sumber motivasi dan inspirasi serta mereka juga banyak membantu penyelidik menjalankan kajian ini. Untuk Kakak Illah dan suami, adik dan anak buah penyelidik (Omar, Mardiana, Yahya, Nasip, Firdaus, Amin, Nuriah dan Najib), kata-kata peransang yang diberikan oleh mereka memberi semangat juang yang tinggi kepada penyelidik untuk menyiapkan kertas ilmiah ini.**

**Akhir kalam, penyelidik berdoa ke hadrat Ilahi, semoga usaha yang kecil ini akan dirahmati Allah dan menjadi tatapan serta bahan rujukan yang berguna kepada generasi hari esok.**

**Mohammad Ahad bin Abdullaja**

**Kampung Kubang Pinang 1**

**P/S 252,91308,Semporna, Sabah**



**SENARAI KANDUNGAN**

<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
ABSTRAK	i-ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv-v
SENARAI KANDUNGAN	vi-ix
SENARAI JADUAL	x-xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
Pengenalan	1-2
Kenyataan masalah	2-4
Kepentingan kajian	4-5
Objektif kajian	5
Objektif umum	5
Objektif khusus	5
Limitasi kajian	5
Bahan Kajian	5
Kos Kajian	6
Masa	6
Penglibatan Sampel	6
Definisi Konsep	7-8
Kemiskinan	7

Kaum Suluk	7
Pekan Semporna	7
Pembolehubah	8
Pembolehubah bersandar	8
Pembolehubah tak bersandar	8

## **BAB 2 : SOROTAN KARYA TERPILIH DAN KAJIAN LEPAS**

Pendahuluan	9
Punca-punca kemiskinan	9-18
Tanah	9-11
Pendapatan dan jenis pekerjaan	11-16
Tahap pendidikan yang rendah	16-17
Pertambahan bilangan ahli keluarga (Saiz Keluarga)	17-18
Kerangka Teoritikal	18-21
Teori Ciri Personaliti dan Kebudayaan	19
Teori Pertambahan Bilangan Penduduk	19-20
Teori Reputasi	20-21
Hipotesis Kajian	21

## **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN.**

Lokasi kajian	22
Pemilihan sampel	22-23
Instrumentasi Kajian	23

## **BAB 5 : KESIMPULAN DAN SARANAN**

Kesimpulan 70-73

Saranan 73-75

**BIBLIOGRAFI** 76-78

**LAMPIRAN** 79-100

Rekabentuk kajian	24
Analisis data	24

## **BAB 4 : HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN.**

Pendahuluan	25
Latar belakang responden	25-42
Umur responden	25-26
Status perkahwinan responden	26-27
Penghijrahan responden dari Filipina	27-28
Kunjungan ke Filipina	28-30
Keadaan rumah responden	32-34
Kesihatan responden	32-36
Perbelanjaan keperluan asas responden	37-42
Perbelanjaan makanan dalam masa sebulan	37-38
Perbelanjaan persekolahan anak-anak responden	38-39
Perbelanjaan barang mewah	39
Lain-lain perbelanjaan	40
Kesulitan berbelanja	41-42
Latar belakang sosio ekonomi	42-64
Tanah yang dimiliki	42-46
Jenis pekerjaan dan pendapatan	47-52
Tahap pendidikan	52-60
Saiz keluarga	60-64
Pengujian hipotesis	64-69

## **BAB 5 : KESIMPULAN DAN SARANAN**

**Kesimpulan**

**70-73**

**Saranan**

**73-75**

**BIBLIOGRAFI**

**76-78**

**LAMPIRAN**

**79-100**

## SENARAI JADUAL

<b>PERKARA</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 1	Taburan dan peratusan umur responden	26
Jadual 2	Taburan dan peratusan status responden	27
Jadual 3	Taburan dan peratusan tahun penghijrahan responden	28
Jadual 4	Taburan dan peratusan responden yang berkunjung ke Filipina	29
Jadual 5	Taburan dan peratusan untuk perbelanjaan kunjungan responden ke Filipinan	29
Jadual 6	Taburan dan peratusan kemampuan responden untuk menyediakan perbelanjaan kunjungan ke Filipina	30
Jadual 7	Taburan dan peratusan keadaan rumah responden	31
Jadual 8	Taburan dan peratusan alasan responden mengenai keadaan rumah yang tidak memuaskan.	32
Jadual 9	Taburan dan peratusan taraf kesihatan responden	33
Jadual 10	Taburan dan peratusan tempat perubatan responden	34
Jadual 11	Taburan dan peratusan perbelanjaan perubatan responden dalam masa sebulan	35
Jadual 12	Taburan dan peratusan kemampuan responden untuk membiayai belanja perubatan dalam masa sebulan	36
Jadual 13	Taburan dan peratusan alasan responden yang tidak mampu membiayai belanja perubatan	36

<b>Jadual 14</b>	<b>Taburan dan peratusan perbelanjaan keperluan makanan responden dalam masa sebulan</b>	<b>38</b>
<b>Jadual 15</b>	<b>Taburan dan peratusan perbelanjaan persekolahan anak anak responden dalam masa sebulan</b>	<b>39</b>
<b>Jadual 16</b>	<b>Taburan dan peratusan lain-lain perbelanjaan responden dalam masa sebulan</b>	<b>40</b>
<b>Jadual 17</b>	<b>Taburan dan peratusan kenyataan kesulitan berbelanja</b>	<b>41</b>
<b>Jadual 18</b>	<b>Taburan dan peratusan alasan kesulitan berbelanja</b>	<b>42</b>
<b>Jadual 19</b>	<b>Taburan dan peratusan kenyataan responden mengenai tanah dimiliki</b>	<b>43</b>
<b>Jadual 20</b>	<b>Taburan dan peratusan saiz tanah</b>	<b>44</b>
<b>Jadual 21</b>	<b>Taburan dan peratusan jenis tanaman</b>	<b>45</b>
<b>Jadual 22</b>	<b>Taburan dan peratusan pendapatan responden yang di perolehi melalui penjualan hasil tanaman</b>	<b>45</b>
<b>Jadual 23</b>	<b>Taburan dan peratusan alasan responden mengenai pendapatan hasil tanaman yang tidak cukup menampung keperluan hidup</b>	<b>45</b>
<b>Jadual 24</b>	<b>Taburan dan peratusan jenis pekerjaan responden</b>	<b>48</b>
<b>Jadual 25</b>	<b>Taburan dan peratusan pendapatan bulanan responden yang diperolehi melalui pekerjaan</b>	<b>49</b>
<b>Jadual 26</b>	<b>Taburan dan peratusan kenyataan responden terhadap pendapatan melalui pekerjaan yang tidak cukup menampung keperluan hidup</b>	<b>50</b>
<b>Jadual 27</b>	<b>Taburan dan peratusan jenis pekerjaan anak-anak responden</b>	<b>51</b>
<b>Jadual 28</b>	<b>Taburan dan pendapatan bulanan anak-anak responden</b>	<b>51</b>
<b>Jadual 29</b>	<b>Taburan dan peratusan responden yang menerima bantuan daripada</b>	

	<b>anak-anak berkerja</b>	<b>52</b>
<b>Jadual 30</b>	<b>Taburan dan peratusan responden yang menerima pendidikan</b>	<b>53</b>
<b>Jadual 31</b>	<b>Taburan dan peratusan tahap pendidikan/persekolahan responden</b>	<b>54</b>
<b>Jadual 32</b>	<b>Taburan dan peratusan bilangan anak-anak responden yang masih bersekolah</b>	<b>56</b>
<b>Jadual 33</b>	<b>Taburan dan peratusan yang mempunyai anak di peringkat sekolah rendah.</b>	<b>56</b>
<b>Jadual 34</b>	<b>Taburan kelas anak-anak responden yang belajar di sekolah rendah</b>	<b>57</b>
<b>Jadual 35</b>	<b>Taburan dan peratusan responden yang mempunyai anak belajar di sekolah menengah.</b>	<b>58</b>
<b>Jadual 36</b>	<b>Taburan kelas anak-anak responden yang belajar di sekolah menengah</b>	<b>58</b>
<b>Jadual 37</b>	<b>Taburan Kenyataan responden mengenai anak yang berhenti sekolah</b>	<b>59</b>
<b>Jadual 38</b>	<b>Taburan dan peratusan alasan anak responden berhenti sekolah</b>	<b>60</b>
<b>Jadual 39</b>	<b>Taburan dan peratusan saiz keluarga responden</b>	<b>61</b>
<b>Jadual 40</b>	<b>Taburan dan peratusan bilangan anak responden</b>	<b>62</b>
<b>Jadual 41</b>	<b>Taburan dan peratusan responden yang mengamalkan kaedah perancangan keluarga</b>	<b>62</b>
<b>Jadual 42</b>	<b>Taburan dan peratusan jenis kaedah perancangan keluarga</b>	<b>63</b>
<b>Jadual 43</b>	<b>Taburan dan peratusan kenyataan mengenai keluarga lain yang tinggal bersama responden</b>	<b>63</b>
<b>Jadual 44</b>	<b>Taburan dan peratusan bilangan ahli keluarga lain yang tinggal bersama responden</b>	<b>64</b>





## SENARAI LAMPIRAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
----------------	-------------------

<b>1. LAMPIRAN BORANG SOAL SELIDIK</b>	<b>79-90</b>
--	--------------

<b>2. LAMPIRAN GAMBAR</b>	<b>91-100</b>
---------------------------	---------------

<u>JENIS GAMBAR</u>	<u>MUKA SURAT</u>
---------------------	-------------------

- |  |       |
|--|-------|
| 1. Keadaan rumah responden yang tidak memuaskan.   | 91    |
| 2. Keadaan rumah yang tidak dibekalkan dengan kemudahan elektrik dan sumber bekalan air yang diperolehi dari perigi atau telaga. | 92-93 |
| 3. Situasi membeli dan menjual ikan di Pasar Ikan Semporna.  | 94    |
| 4. Kemudahan dan sebahagian daripada peralatan yang diperlukan dalam aktiviti menangkap ikan dan ketam.                          | 95-96 |
| 5. Beberapa buah sekolah yang menempatkan anak-anak responden untuk menerima pendidikan.   | 97-99 |
| 6. Ladang Siagil yang menempatkan sebahagian kecil responden dan anak-anak mereka yang berkerja sebagai buruh.                   | 100   |

## **BAB 1**

# **PENDAHULUAN**

## **Bab 1. Pendahuluan.**

Kaum Suluk merupakan sebahagian daripada penduduk asing dari Negara Filipina yang melakukan migrasi ke Malaysia, dan ke Sabah khususnya. Menurut Ho Ting Seng (1995), terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi migrasi kaum ini ke Negeri Sabah, iaitu faktor penarik dan penolak. Faktor ekonomi yang menyediakan peluang pekerjaan di sektor perikanan dan perladangan adalah faktor penarik yang mempengaruhi migrasi kaum ini ke Negeri Sabah. Manakala, faktor-faktor lain seperti faktor perkaitan dan persamaan dari segi sosio-budaya dan sejarah juga merupakan faktor penarik yang mempengaruhi Kaum Suluk melakukan migrasi ke Negeri Sabah. Selain itu, jarak yang dekat antara perairan sempadan Negeri Sabah dengan Filipina turut mempengaruhi migrasi mereka ke Negeri Sabah. Dalam hal ini, Ho Ting Seng (1995) juga mengatakan bahawa jarak yang dekat telah memudahkan Kaum Suluk melakukan migrasi dalam masa yang singkat tanpa ada kawalan ketat daripada pihak keselamatan di Negeri Sabah. Manakala faktor penolak migrasi Kaum Suluk ke Negeri Sabah ialah faktor politik Filipina yang tidak stabil dan pembangunan ekonomi yang terhad di wilayah-wilayah yang didiami oleh mereka di Filipina. (Zaharuddin A.Rahman , Mei 1993).

Sementara itu, Perdana Menteri Negara kita, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (Suhaimi Azman, 1990), mendakwa bahawa terdapat seramai 700,000 orang pendatang asing dari Filipina dan Indonesia yang melakukan migrasi ke Negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, 60,000 pendatang asing merupakan golongan pendatang yang telah lama menetap di Negeri Sabah dan memperolehi taraf kewarganegaraan.

Manakala, menurut Haji Mohammad Yaakub (1995), pendatang asing dari Filipina, terutama Kaum Suluk yang melakukan migrasi ke Negeri Sabah adalah golongan pendatang asing mendiami kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan-kawasan miskin di Negeri Sabah. Antara kawasan-kawasan tersebut ialah Pekan Semporna, Kunak, Lahad Datu dan Daerah Kota Belud. Penduduk yang mendiami kawasan-kawasan tersebut, majoritinya adalah dikenal pasti sebagai golongan miskin, seluruh pergantungan ekonomi dan pendapatan mereka adalah bergantung kepada sektor pertanian dan perikanan, kawasan tempat tinggal yang sesak, tahap hidup dan tahap pelajaran serta mutu kesihatan yang rendah.

Memandangkan majoriti penduduk asal Filipina (Kaum Suluk) menetap di kawasan-kawasan yang dikategorikan sebagai kawasan miskin di Negeri Sabah, maka dalam kajian ini penyelidik akan mengkaji mengenai tahap kemiskinan dan latar belakang sosio-ekonomi Kaum Suluk serta mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan Kaum tersebut menghampiri kemiskinan.

### **1.1.Kenyataan Masalah.**

Fenomena kemiskinan merupakan masalah sejagat yang menimpa sekelompok masyarakat di atas muka bumi ini (Talib Samat, 1992). Di negara kita, kemiskinan sering dikaitkan dengan Kaum Melayu dan penduduk yang tinggal di kawasan luar-bandar. Walaupun proses pembangunan negara semakin pesat berlaku, gejala kemiskinan ini terus mengancam dan meninggalkan kesan mendalam terhadap kehidupan penduduk. Hal ini menyebabkan kerajaan melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional Negara (DPN) dan pelbagai rancangan

pembangunan yang bertujuan membasmi atau sekurang-kurangnya mengurangkan kadar kemiskinan penduduk, terutama penduduk di kawasan luar bandar.

Namun, perkara yang menjadi masalah dalam membincangkan kemiskinan ialah apakah kriteria-kriteria atau situasi yang boleh digunakan untuk menjelaskan dan menentukan tahap kemiskinan. Dalam hal ini, Osman Rani (1992) menjelaskan bahawa fenomena kemiskinan yang dialami oleh sekelompok penduduk adalah satu sindrom yang meliputi unsur-unsur kekurangan zat makanan, taraf kesihatan yang rendah, jumlah pendapatan yang tidak seimbang, pengangguran yang berleluasa, keadaan perumahan yang tidak selamat, taraf pendidikan yang rendah dan kadar keciciran yang tinggi dalam persekolahan anak-anak.

Hal yang sama turut dibincangkan oleh S. Husin Ali (1978). Menurut beliau, kemiskinan akan berlaku apabila sekelompok atau segolongan masyarakat tidak mempunyai kemampuan untuk menghantar anggota keluarga ke hospital untuk mendapatkan rawatan perubatan, menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anak yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan hanya berupaya memenuhi keperluan asas-asas seperti makanan, minuman dan pakaian.

Manakala Mohd Shukri Abdullah (1985) mengaitkan kemiskinan dengan jumlah pendapatan dan kemampuan individu mendapatkan atau memiliki keperluan asas. Menurut beliau, mampu atau tidak individu mendapatkan keperluan asas yang cukup untuk keluarganya adalah bergantung kepada jumlah pendapatan yang

dikaitkan dengan jenis pekerjaan dan jumlah harta terkumpul yang dimiliki oleh individu tersebut.

Sebaliknya, adakah situasi kemiskinan yang dibincangkan itu menepati taraf sosio-ekonomi (kemiskinan) Kaum Suluk di Pekan Semporna. Dan pada hakikatnya, kita tidak akan dapat memahami gejala kemiskinan yang menimpa sekelompok masyarakat, selagi kita tidak mengenal pasti siapa yang miskin dan punca-punca kemiskinan tersebut (Abdul Salleh Majid, 1992). Lantaran itu, permasalahan kajian ini ialah, untuk mengenalpasti latar belakang sosio-ekonomi dan tahap kemiskinan Kaum Suluk dan punca-punca yang menyebabkan kemiskinan di kalangan kaum tersebut di Pekan Semporna.

### **1.2. Kepentingan Kajian.**

1. Memberi kesedaran kepada kaum pendatang (Kaum Suluk) tentang masalah kemiskinan yang mereka alami di Pekan Semporna. Penyelidik juga berharap kajian ini akan memberi satu inspirasi kepada mereka untuk membaiki taraf hidup daripada terus dibelenggu oleh masalah kemiskinan.
2. Hasil kajian ini membolehkan kita mengetahui latar belakang sosio-ekonomi dan punca-punca yang menyebabkan masalah kemiskinan di kalangan Kaum Suluk di Pekan Semporna.
3. Kajian ini boleh dimanfaatkan sebagai bahan rujukan dan panduan kepada penyelidik seterusnya yang berminat mengkaji tentang masalah kehidupan

masyarakat pendatang dan kaum peribumi di Negeri Sabah amnya, dan di Pekan Semporna khususnya.

### **1.3. Objektif Kajian.**

#### **1.3.1. Objektif umum.**

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengkaji dan menentukan taraf sosio-ekonomi (kemiskinan) Kaum Suluk di Pekan Semporna.

#### **1.3.2. Objektif Khusus**

Antara objektif-objektif khusus kajian ini ialah :

1. Untuk menentukan tahap kemiskinan di kalangan Kaum Suluk.
2. Untuk mengenalpasti latar belakang sosio-ekonomi Kaum Suluk dari segi saiz tanah yang dimiliki, tahap pelajaran, jumlah pendapatan dan perbelanjaan serta jumlah ahli keluarga yang difikirkan oleh penyelidik sebagai punca kemiskinan
3. Untuk menentukan hubungan diantara kegiatan-kegiatan ekonomi Kaum Suluk dengan tahap kemiskinan.

### **1.4. Limitasi Kajian.**

#### **1.4.1. Bahan Kajian.**

Bahan rujukan yang amat terhad amat menyukarkan penulis untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan lebih tepat. Penyelidik berpendapat kekurangan bahan rujukan ini mungkin menjejaskan validity kajian ini.